

KEBERKESANAN PEMBELAJARAN KENDIRI BAGI KEMAHIRAN  
MEMBINA AYAT MENGGUNAKAN VIDEO PENDEKATAAN  
KONSTRUKTIVISMA TERHADAP MURID  
PEMULIHAN KHAS

NOR AZLEENDA BINTI RAZALI

Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganuerahan ijazah  
Sarjana Pendidikan (Teknologi Pendidikan)

Sekolah Pendidikan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2021

## DEDIKASI

Teristimewa Untuk  
*Suami dan Keluarga Tersayang*  
*Kerana kasih dan sayang kalian semua,*  
*Yang memberi inspirasi dalam perjuangan ini*  
*Sesungguhnya, segala pengorbanan kalian*  
*Tidak ternilai harganya*  
*Juga tidak dilupakan*  
*Rakan-rakanku yang banyak memberikan dorongan dan bimbingan*

*SEMOGA ALLAH MEMBERKATI USAHA KITA SEMUA*

## **PENGHARGAAN**

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih saya kepada suami juga ibu tersayang serta teman-teman yang terlibat di dalam kajian ini kerana memberikan keizinan kepada saya untuk menjalankan kajian ini di sekolah tersebut. Tidak ketinggalan juga kepada setiap guru yang terlibat di dalam kajian ini kerana telah memberikan kerjasama yang sangat baik sepanjang kajian ini dijalankan. Sesungguhnya kerjasama daripada kesemua pihak yang terlibat sepanjang kajian ini amat saya hargai kerana mereka sudi meluangkan masa berharga mereka untuk mendengar dan seterusnya menjadi responden dalam kajian saya ini.

Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang telah sama-sama mengharungi suka dan duka sepanjang proses pembelajaran ini. Semangat setiakawan dan keikhlasan membantu serta sedia berkongsi maklumat telah menjadi kenangan yang tidak akan dapat saya lupakan sepanjanghidup saya.

Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Kemahiran membina ayat mudah merupakan tunjang dalam penulisan Bahasa Melayu. Kelemahan dalam memulakan penulisan menyebabkan kesukaran untuk mengikut pembelajaran di dalam kelas. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran membina ayat di kalangan murid-murid yang mempunyai masalah pembelajaran. Responden merupakan murid Pemulihan Khas tahun 2 sebuah sekolah daerah Pontian di Negeri Johor yang berpotensi untuk diserapkan dalam kelas perdana. Pembelajaran sendiri menerusi video menggunakan pendekatan konstruktivisma diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu untuk kajian kali ini. Satu set ujian pra dan pasca diwujudkan untuk melihat tahap keberkesanan dan tahap pencapaian murid selepas menggunakan pembelajaran dijalankan menggunakan video Konstruktivisma. Data dinilai menggunakan SPSS dengan Ujian Wilcoxon Signed Ranked. Faktor luaran seperti minat dan kecenderungan juga membawa kepada pengaruh keberkesanan dapatan ujian. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa, murid sangat berminat untuk belajar menggunakan bahan interaktif selari dengan trend masa kini seperti video, permainan maya dan lain-lain.

## **ABSTRACT**

One of the backbones of writing in Bahasa Melayu is the ability to write a simple sentence. The inability of students to start writing a sentence is leading to few issues such as making them unable to follow the fast-paced learning in the class. These studies are conducted to increase the proficiency of students that have complications in learning through writing. Students from Pemulihan Khas Year 2 from one of the schools in Pontian, Johor are the respondents for this study who are showing the potential to be in the normal classroom. Due to this, youngsters especially children lack knowledge in vocabulary to write simple sentences. However, to show the level of proficiency of students by using constructivism video as a set of pre-test and after post-test, then analyze using SPSS Wilcoxon Signed Ranked Test. Students' interests and tendencies are some of the external factors that influence the effectiveness of the test. However, it is shown that students are more excited to learn using modern interactive materials such as video, interactive walls, etc.

## SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>iii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iv</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	4
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.6.1 Kepentingan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia	9
	1.6.2 Kepentingan kepada Guru	10
	1.6.3 Kepentingan kepada Murid	11
	1.7 Kerangka Kajian	11
	1.7.1 Kerangka Konseptual Kajian	12
	1.8 Skop Kajian	15
	1.9 Batasan Kajian	15
	1.10 Definisi Istilah dan Operasi	15
	1.10.1 Pemulihan Khas	16

	1.10.2 Murid Pemulihan	16
	1.10.3 Pembelajaran Menggunakan Video	17
	1.10.4 Teori Konstruktivisma	19
	1.10.5 Pembelajaran Kendiri	20
	1.10.6 Formula SIBUANALA	21
	1.11 Rumusan	23
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>25</b>
2.1	Pengenalan	25
2.2	Dapatan Kajian Lepas	25
2.2.1	Kajian Lepas Berkaitan Teori Konstruktivisma	25
2.2.2	Kajian Lepas Berkaitan Pembelajaran Kendiri dalam Pembinaan Ayat	27
2.2.3	Kajian Lepas Pengajaran menggunakan Video dan Multimedia	28
2.3	Penutup	31
<b>BAB 3</b>	<b>KAEDAH METODOLOGI</b>	<b>33</b>
3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	33
3.3	Prosedur Kajian	33
3.4	Sampel Kajian	35
3.5	Instrumen Kajian	35
3.5.1	Penerangan Fasa 1	36
3.5.2	Penerangan Fasa 2	37
3.5.3	Penerangan Fasa 3	37
3.5.4	Penerangan Fasa 4	37
3.5.5	Penerangan Fasa 5	38
3.6	Eksperimen Kajian	39
3.7	Soalan Ujian Pra dan Pasca	40
3.8	Kesahan Instrumen	40
3.9	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	41
3.10	Kebolehpercayaan Instrumen Ujian	43
3.10.1	Kaedah Menganalisis Data	46

3.11	Penutup	47
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	<b>49</b>
4.1	Pengenalan	49
4.2	Analisis Statistik Deskriptif terhadap Latar Belakang Responden	49
4.2.1	Analisis dokumen	50
4.3	Ujian <i>Wiloxon Signed Ranked</i>	52
4.4	Apakah Persepsi Murid Terhadap Pembelajaran Kendiri Menggunakan Video Pengulangan?	56
4.5	Kesimpulan	58
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN AKAN DATANG</b>	<b>61</b>
5.1	Pengenalan	61
5.2	Perbincangan dan Dapatan Kajian	61
5.3	Apakah Kesan keberkesanan pembelajaran kendiri bagi kemahiran membina ayat menggunakan video konstuktivisma?	62
5.4	Apakah persepsi murid terhadap pembelajaran kendiri menggunakan video pengulangan?	63
5.5	Implikasi Kajian	64
5.5.1	Implikasi Terhadap Ibu Bapa	64
5.6	Cadangan untuk Kajian Lanjutan	64
5.7	Limitasi Kajian	65
5.8	Penutup	66
<b>RUJUKAN</b>		<b>68</b>



## SENARAI JADUAL

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 3.1	Responden Instrumen Kajian	41
Jadual 3.2	Ulasan dan Kesahan Pakar Bidang	42
Jadual 3.2	Jadual Dapatan Instrumen Kesahan	44
Jadual 3.4	Jadual Dapatan SPSS	44
Jadual 3.4	Dapatan Kajian Cronbach' Alpha	45
Jadual 3.6	Dapatan dari SPSS	45
Jadual 4.1	Analisis Keputusan Lembaran Kerja Murid	50
Jadual 4.1	<i>Wilcoxon Signed Ranks Test Ranks</i>	53
Jadual 4.3	Analisis Keputusan Ujian Pra	53
Jadual 4.4	Analisis Keputusan Ujian Pasca	54
Jadual 4.5	<i>Wilcoxon Signed Ranks</i>	55
Jadual 4.6	Wilcoxon Signed Ranks Test	55
Jadual 4.7	Soalan Soal Selidik	56

## SENARAI RAJAH

<b>NO.RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1	Rangka Kerja Pembinaan Modul	12
Rajah 1.2	Model Rekabentuk ADDIE	13
Rajah 3.1	Fasa Prosedur Kajian	36
Rajah 3.2	Analisis Keboleh Percayaan <i>Cronbach Alpha</i>	44
Rajah 4.1	Analisis Keputusan Lembaran Kerja	51
Rajah 4.2	Wilcoxon Signed Ranked	52

## SENARAI SINGKATAN

LINUS	-	Literasi dan Numerasi
PDPR	-	Pengajaran dan Pembelajaran di rumah
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
ICT	-	Information and Communication Technology
LCD	-	Liquid Crystal Display
3M	-	Menulis Membaca dan Mengira
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
SIBUANALA	-	Formula Siapa Buat Apa Dimana/kemana Bila
TMK	-	Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi

## SENARAI LAMPIRAN

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Lampiran A	Surat Kesahan Pelajar	71
Lampiran B	Prosedur Kajian	73
Lampiran C	Instrumen Kajian	74
Lampiran D	Borang Soal Selidik	76
Lampiran E	Maklum Balas Pakar	78
Lampiran F	Ujian Pra	80
Lampiran G	Ujian Pasca	84

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) masa kini berkembang seiring dengan perkembangan dunia pendidikan masa ini. Menurut Zamri dan Mohd Amin (2008), multimedia mampu menyampaikan sesuatu maklumat yang tepat, dan mampu menarik minat dan menjadi daya tarikan utama dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif. Teknologi ini membuka lebih banyak lagi peluang kepada guru dan murid untuk meneroka lagi pengetahuan secara atas talian dengan penggabungan teknik suara, bunyi, gambar dan video secara teks yang pelbagai untuk mewujudkan suasana baharu dalam era globalisasi ini disamping kaya dengan maklumat bahasa dan mampu berdikari belajar sendiri di rumah.

Pengajaran dan pembelajaran di rumah juga menjadi lebih menarik dengan kehadiran media baru dalam sistem pembelajaran ini. Menurut Doyle (2007), teknologi komputer membantu murid meningkatkan pencapaian bahasa menerusi penggunaan teknik yang sistematik dan berpusatkan murid dalam pembelajaran sendiri. Kolaborasi dalam kalangan murid yang wujud semasa proses bermain dan proses pembelajaran yang melibatkan kaedah pembelajaran sendiri menggunakan media baru dari rakaman video yang sedia ada diinovasikan dengan pengajaran dan pembelajaran membina ayat mudah untuk murid pemulihan khas. Kemajuan yang hendak dicapai dijangka membantu dalam peningkatan kualiti hidup secara seimbang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kulanz Salleh, 2008).

Kemajuan ini secara tidak langsung, dapat melahirkan nilai kerjasama justeru membawa kepada kemenjadian murid ke arah yang lebih positif melalui kepelbagaian pembelajaran serta menyangkal pendapat bahawa, murid sekolah luar bandar itu lemah. Penglibatan ibu bapa juga menjadi salah satu faktor keberkesanan program ini.

Hal ini dibuktikan kepada pelaksanaan pengajaran berasaskan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran adalah proses membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam mata pelajaran kejuruteraan (Sahairil, 2003).

Pendidikan Pemulihan Khas (remedial education) merupakan satu program khas yang diwujudkan khusus untuk membantu masalah keciciran pelajaran yang bukan berpunca dari faktor kognitif tetapi ianya berpunca daripada faktor lain contohnya kemiskinan, suasana keluarga, persekitaran yang kurang kondusif dan persekitaran yang tidak selesa, konflik keluarga dan sebagainya. Fakta ini disokong dalam pernyataan dari (Jais Sahok & Mat Nor Husin, 1990: 5) yang mana pendidikan pemulihan merupakan satu bentuk pendidikan khas kepada murid-murid yang menghadapi masalah atau kesulitan belajar dalam matapelajaran tertentu sahaja. Kanak-kanak yang dikategorikan sebagai lembam, menunjukkan pergerakan yang lebih perlahan apabila menyelesaikan tugas dan berfikir (Bonifacci & Snowling, 2008: 999).

Pengajaran dalam alat bantu terkini dapat membantu menarik minat murid untuk terus belajar. Menurut Shaples (2000) penglibatan video dapat meningkatkan penglibatan dan motivasi murid dalam mempelajari sesuatu perkara baru juga mengajak murid untuk menikmati pengalaman menonton video dalam budaya elektronik masa kini. Video didefinisikan sebagai media yang mempersembahkan audio dan grafik secara serentak (Shephard, 2003). Walaupun kebanyakan video yang dimuat naik dalam Youtube tidak menjurus ke arah pendidikan, namun aplikasi ini banyak membantu murid meneroka dalam penggunaan media baharu.

Kebanyakan pendidik percaya bahawa latihan pembelajaran yang digunakan secara berulang-ulang mampu meningkatkan kefahaman terhadap bahan pembelajaran yang digunakan. Medium youtube menjadi sebahagian trend untuk menggantikan pembelajaran yang kurang aktif kepada penyertaan aktif murid. Menurut Norah et al (2012), pada masa lalu media video memerlukan kos pengeluaran yang tinggi, namun pendidik masa kini mampu menghasilkan video yang kreatif dan lebih canggih

berdasarkan ideologi dan kreativiti guru-guru hanya dengan menggunakan telefon bimbit sahaja dirumah.

Kemahiran membina ayat mudah merupakan tunjang dalam pelajaran Bahasa Melayu. Kelemahan dalam memulakan penulisan dan pembacaan menyebabkan kesukaran murid untuk mengikut pembelajaran di dalam kelas. Stevens (1990) merumuskan bahawa masalah pembelajaran bahasa antaranya ialah disebabkan ketiadaan dan kekurangan minat murid untuk belajar, maka kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pembelajaran sendiri menggunakan video konstruktivisma kepada murid pemulihankhas.

Pembangunan teknologi maklumat terkini membuktikan kesan positif terhadap murid-murid di sekolah, pengajaran dan pembelajaran pada trend hari ini mendesak guru untuk menggunakan saluran media sebagai cara dan teknik pengajaran baharu. Penggunaan media seperti video memberi sumbangan yang besar dalam bidang pendidikan pada masa dahulu. Guru senantiasanya bertungkus lumus memikirkan kaedah baharu untuk melahirkan murid yang mampu membaca dan menulis dengan baik sesuai dengan perkembangan semasa dan keperluan negara. Saluran media visual seperti video adalah salah satu cabang bidang ilmu yang berasaskan teknologi terutama komunikasi dan sistem komputer.

Pendidik telah mengenal pasti tentang kehebatan pengajaran berasaskan video mampu untuk menarik minat, meningkatkan motivasi dan pengalaman belajar. Kelainan yang ditunjukkan dalam ransangan visual dan audiori dalam konsep penggunaan video yang boleh di ulang tayang dihasilkan. Berdasarkan data dapatan dari Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mendapati, masih lagi wujud murid yang berada di sekolah rendah ini tidak menguasai kemahiran asas 3M iaitu menulis, membaca dan mengira. Namun begitu Kementerian telah bertungkus lumus mewujudkan program LINUS (Literasi dan Numerasi) pada tahun 2009 untuk mengatasi masalah murid-murid yang tidak menguasai asas di peringkat awal lagi.

Jesteru itu Kelas Pemulihan telah diwujudkan, yang memfokuskan pendekatan berbeza daripada kelas perdana. Ia diwujudkan membantu murid-murid sekolah

rendah yang keciciran dan menghadapi masalah pembelajaran iaitu membaca, menulis dan mengira (3M). Guru Pemulihan disarankan agar penggunaan media baru seperti video dalam youtube dan media baharu terkini yang dapat digunakan secara meluas bagi mengatasi masalah memulakan penulisan dikalangan murid-murid sekolah rendah mahupun menengah. Apa yang diharapkan melalui perancangan kajian ini supaya dapat memaksimumkan maklumat dan mampu meningkatkan kefahaman dan minat murid dalam memulakan penulisan melalui pembelajaran sendiri menggunakan media baru seperti video konstruktivisma yang boleh diikuti melalui tontonan video yang diulang tayang dan murid boleh berlatih sehingga mahir.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Pembelajaran Konvensional yang dilalui sendiri dirumah membuatkan murid pemulihan yang masih tidak dapat membaca dan menulis dengan lancar akan menjadi bosan apabila guru mengajak untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran dirumah. Mereka menjadi kurang berminat meneruskan latihan, mudah lupa serta tidak dapat menguasai latihan membina ayat secara konvensional. Teknik pengajaran menjadi signifikan dengan penguasaan sesuatu pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan pelajar (Jamaludin & Zaidatun 2003). Justeru itu, penggunaan teknologi internet dalam pengajaran dan pembelajaran sepatutnya menjadi lebih mudah kerana semua info yang ingin dicari boleh didapati dalam capaian internet. Terdapat pelbagai rangkaian saluran yang direka oleh guru-guru pemulihan yang sangat bersesuaian dengan tahap pencapaian murid sekolah rendah.

Walaupun penggunaan internet dalam pengajaran di Malaysia masih belum diguna pakai sepenuhnya, namun kajian ini ingin memfokuskan kepada permasalahan murid terutamanya dalam pembelajaran dirumah dalam strategi pembelajaran terkini dirumah menggunakan media visual berbentuk video konstruktivisma yang mana murid akan belajar cara membina ayat mudah menggunakan aplikasi dan video yang dirakam oleh guru. Menurut Yusof b. Hj. Mahlie dan walter Alvin Jiniti (2010), masalah murid dalam pembelajaran terutama yang melibatkan penulisan dan pembacaan merupakan



permasalahan yang perlu diutamakan kerana hal ini akan membantutkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Fokus utama semasa kajian dijalankan pada peringkat awal apakah tahap pencapaian murid dalam mengaplikasikan pembelajaran sendiri menggunakan video konstruktivisma ini supaya lancar dan mencapai objektif pengajaran. Corak pengajaran dan pembelajaran dirumah yang menuntut penggunaan kaedah sendiri berikutan permasalahan yang timbul kebanyakan ibu bapa bekerja dan murid perlu terus belajar dari rumah dengan usaha sendiri, maka media seperti video ini menjadikan murid akan lebih kreatif untuk belajar dan tidak bosan untuk terus meneroka bahan yang disediakan oleh guru.

Ibu bapa yang bekerja dan perkongsian gajet membuatkan berlakunya keciciran dalam pembelajaran. Golongan murid ini, terpaksa menanti ibu bapa pulang ke rumah barulah pembelajaran dapat dijalankan. Situasi ini menyokong objektif yang mana penggunaan rakaman video mampu mengekalkan hubungan murid dan guru pada bila-bila masa video tersebut dimainkan. Dalam strategi pembelajaran sendiri juga, Ibu bapa digalakkan membimbing dan meluangkan masa bersama anak, serta mampu menyertai komuniti maya juga menghiburkan dan mencari teman (Ishii 2008). Penelitian mendapati ibu bapa juga harus bijak mengendalikan penggunaan media sosial dengan tujuan pengajaran.

Penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur mendorong murid agar dapat berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih baik. Manakala melalui kemahiran membaca, murid akan meningkatkan penguasaan kosakata, kreatif dalam memproses maklumat serta memupuk minat untuk terus belajar. Penilaian yang dijalankan secara berterusan dalam proses pembelajaran, dapat menentukan jenis tindakan susulan yang dapat diambil oleh guru untuk pemulihan atau pengayaan.

Penggunaan rakaman video ini mengambil kira beberapa faktor seperti gaya pembelajaran dan kognitif murid. Murid sekolah rendah yang berada di pedalaman mempunyai corak belajar yang berbeza. Ada juga corak yang tidak sesuai dan menyukarkan proses pembelajaran mereka. Murid akan mengikuti proses pengajaran

dengan pembelajaran yang lebih mudah dan berkesan jika keperluan dan gaya pembelajaran murid diberi perhatian (Noriah *et al.*, 2003). Untuk memastikan murid mampu mencapai kejayaan dalam kemahiran membina ayat, disamping meningkatkan minat yang berterusan serta memberikan suasana yang menarik dan melahirkan pembelajaran kondusif. Maka tercetuslah idea untuk pengkaji menghasilkan video tentang pengajaran dan pembelajaran membina ayat mudah agar pembelajaran secara konstruktivisma akan berlaku apabila murid mengulang tayang video yang dibekalkan kepada mereka semasa pembelajaran sendiri dari rumah secara ansur maju.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kemahiran membina ayat merupakan kemahiran yang sangat perlu diberi perhatian, dalam pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Bahasa Melayu kemahiran ini sangat diberi perhatian terutama melalui penerapan kemahiran bahasa, jika murid masih belum dapat menguasai kemahiran ini, impaknya akan memberi kesan terhadap keupayaan pelajaran Bahasa Melayu (Roselan, 2003). Kajian sebelum ini menunjukkan bahawa murid-murid yang menghadapi masalah membaca dan memahami biasanya akan turut bermasalah juga dalam bidang akademik (Chatterji, 2006; Md. Daud, 2005).

Berdasarkan maklumbalas dari guru perdana tentang penguasaan murid pemulihan didalam kelas, guru pemulihan khas memikirkan pelbagai cara untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi. Menurut Yusof bin Hj. Mahlie dan walter Alvin Jiniti (2010) Masalah murid dalam pembelajaran terutama yang melibatkan penulisan, merupakan satu isu yang perlu dititik beratkan kerana isu ini akan menjadi penyebab utama membantutkan proses pengajaran dan pembelajaran sendiri murid tidak kira dalam pembelajaran maya mahupun pembelajaran didalam kelas. Menurut Martin, EM Finger, Synder, & O' Neil, (2007) menyatakan dalam pengisian Modul Linus sendiri banyak menggunakan gambar dan diulang-ulang kerana pengulangan ini membuktikan perkataan bergambar dan ia digunakan untuk modul pengajaran banyak memberikan kesan efektif demi meningkatkan hafalan dan kemahiran bina ayat murid.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan video dari inovasi membina ayat yang bertajuk SIBUANALA. Video tersebut menggambarkan aktiviti dan cara membina ayat menggunakan formula yang direka sendiri oleh pengkaji. Aktiviti bermain sambil belajar dan menulis merupakan elemen yang sangat penting dalam penguasaan subjek bahasa. Tarmizi (2016) mengatakan, sebelum murid itu dapat menulis dengan lancar, mereka perlu mahir membaca. Oleh kerana murid pemulihan datang dari murid yang tidak menguasai 3M membaca, menulis dan mengira kerana kemahiran membina ayat merupakan teras utama dalam penanda aras pencapaian akademik untuk terus cemerlang dalam bahasa.

Kajian tentang pembelajaran sendiri di Malaysia sangat terhad khususnya dalam konteks sekolah rendah. Justeru itu, kajian ini berpotensi memberi sumbangan terhadap strategi pengajaran sendiri untuk meningkatkan kemahiran membina ayat menggunakan video kepada murid pemulihan. Pengajian kajian tentang pembelajaran sendiri sangat penting memandangkan kini pengajaran dan pembelajaran wajib dilaksanakan atas talian. Hal ini bertentangan dengan kebiasaan sistem pembelajaran di Malaysia sebelum ini yang kebanyakkan sekolah mengamalkan budaya pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan (Lee, 2002; Syed Anwar & Merza, 2000).

Situasi sebenar menunjukkan murid sekolah rendah sangat bergantung kepada guru dalam proses pembelajaran. Pembelajaran berpusatkan guru ini merupakan amalan yang sekian lama dipraktikkan. Oleh hal demikian, pembelajaran di rumah menuntut murid untuk terus berdikari. Oleh demikian murid tidak dapat cukup motivasi untuk menguasai kemahiran menulis dan membina ayat tanpa bimbingan guru, akhirnya murid kurang minat untuk belajar dan memberikan tumpuan yang sepenuhnya ketika belajar sendiri. Konsep dan gaya pembelajaran juga mempengaruhi gaya belajar murid di rumah.

Menurut Dunn & Dunn (1981) dalam buku *Learning Style inventory Development and Research*, ada murid yang boleh belajar dengan sangat baik walau dalam keadaan yang sejuk, senyap dan teratur dan ada pula yang boleh belajar dengan muzik. Menurut Peter (1979) & Steward (1981), gaya pembelajaran boleh merujuk

kepada pendekatan pengajaran yang digemari oleh seseorang murid. Ada murid yang gemar cara belajar sendiri dan ada yang tidak menggemari cara pembelajaran sendiri dan perlukan bantuan dan bimbingan guru.

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana keberkesanan pembelajaran sendiri bagi kemahiran membina ayat menggunakan video dengan pendekatan konstruktivisma terhadap murid Pemulihan Khas. Penerangan selanjutnya akan dijelaskan dalam bab akan datang.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini dijalankan untuk merekabentuk pembelajaran sendiri kepada pencapaian kemahiran membina ayat menggunakan media baharu youtube terhadap murid pemulihan khas sekolah rendah. Manakala Objektif khusus kajian ini seperti berikut:

- i. Mengkaji keberkesanan pembelajaran sendiri (kemahiran membina ayat) murid menggunakan video berasaskan pendekatan konstruktivisma.
- ii. Mengenalpasti persepsi murid terhadap pembelajaran sendiri menggunakan video berasaskan pendekatan konstruktivisma.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Secara khususnya diharapkan kajian ini dapat membantu menjawab soalan-soalan kajian tersebut:

- i. Apakah keberkesanan pembelajaran sendiri bagi kemahiran membina ayat menggunakan video pendekatan konstruktivisma?
- ii. Apakah persepsi murid terhadap pembelajaran sendiri menggunakan video berasaskan pendekatan konstruktivisma?

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana keberkesanan pembelajaran sendiri bagi kemahiran membina ayat menggunakan video dengan pendekatan konstruktivisma terhadap murid Pemulihan Khas. Keberkesanan penerimaan murid dapat diketahui dengan melihat penglibatan murid dalam menyertai pembelajaran atas talian yang dianjurkan oleh guru. Atas kesedaran ciri murid pemulihan yang agak lambat menguasai pembelajaran, pengkaji mengenalpasti teknik sesuai yang boleh digunakan bagi tujuan menarik minat murid pemulihan khas untuk terus belajar dan menguasai pembelajaran serta pembelajaran secara ansur maju boleh diulang-ulang berdasarkan video yang dibekalkan kepada murid.

### **1.6.1 Kepentingan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia**

Kajian ini seiring dengan usaha kementerian untuk membantu dalam usaha mencapai sifar LINUS dan dapat meningkatkan penguasaan 3M terhadap pencapaian murid pemulihan khususnya. Tahap pencapaian dan penguasaan murid dan konstruk 11 Linus yang menekankan penguasaan kemahiran membina ayat terbukti apabila pelaksanaan Program Saringan Linus Literasi dan Numerasi (LINUS) dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mula dianggap penting apabila tahap kemahiran yang dikuasi dianggap faktor utama dalam melonjak kecemerlangan industri pendidikan negara setaraf kadar literasi universal. LINUS ialah satu program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk murid sekolah rendah yang keciciran pelajaran untuk meningkatkan tahap literasi dan numerasi khususnya untuk murid-murid tahun satu hingga tiga. Namun Linus telah kembali kepada

Program Pemulihan yang dikendalikan oleh Guru pemulihan. Kajian yang dilakukan oleh Abdul Jalil et al. (2011) berpendapat, sebagai guru yang mengendalikan kelas Pemulihan dalam program LINUS harus bijak menggunakan strategi dan perancangan pengalajaran yang berkualiti demi menarik perhatian murid-murid pemulihan yang keciciran dalam pelajaran namun berpotensi untuk lulus dan belajar dalam kelas perdana seperti murid yang lain dalam kelas perdana.

### **1.6.2 Kepentingan kepada Guru**

Kepentingan kepada guru, kajian ini membantu guru dalam meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran dan menyediakan kepelbagaian dalam aktiviti pembelajaran. Guru juga dapat menyediakan pembelajaran yang lebih berkualiti dengan pendekatan konstruktivisma yang mana murid boleh belajar dari pengalaman semasa pengulangan video pengajaran yang dibekalkan kepada murid di rumah. Penguasaan dalam Bahasa Melayu, membawa maksud memahami dan mengetahui dengan lebih mendalam selok belok bahasa, tanpa pengetahuan yang mantap tentang kaedah membina ayat, membuatkan pengajaran penulisan karangan tidak dapat dijalankan dengan lancar.

Aplikasi bahan bantu mengajar dengan penggunaan teknologi terkini dapat membantu dalam proses meningkatkan kefahaman murid pemulihan. Guru yang kreatif dan inovatif akan berusaha pelbagai cara dan kaedah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dalam masa yang sama mengaplikasikan perubahan baharu dalam seni pengajaran selain kaedah konvensional. Penggunaan alatan dan media juga diaplikasikan dengan galakkan serta ganjaran disediakan untuk menggalakkan murid sentiasa memberi respon positif untuk setiap kelas atas talian. Kepelbagaian teknik pengajaran menggambarkan seorang guru itu bijak mengawal kelas dan menarik perhatian murid dengan pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan mutu dan kualiti pendidikan negara sentiasa dapat ditingkatkan supaya modal insan yang berilmu dan berkemahiran tinggi selaras dengan Pelaksanaan Pelan Pembangunan Negara (2013-2025) agar menjadikan Malaysia sebagai negara yang mampu mencapai

taraf pendidikan antarabangsa sejajar hasrat negara menjadikan murid-murid sebagai *global player*.

### **1.6.3 Kepentingan kepada Murid**


Kajian ini membantu murid dalam usaha mendalami maklumat agar dapat perkuatkan ingatan dan pemahaman menggunakan paparan audio dan yang jelas dan berkualiti. Aplikasi teknologi media video ini, menyatukan proses pengecaman, proses efektif yang mampu meransang dan meningkatkan kecekapan murid belajar dalam masa yang sama mengelakkan murid berasa bosan ketika belajar. Kaedah yang cuba dipertengahan pengkaji membuatkan murid berusaha membina ayat dan mengarang karangan ringkas. Menurut Juriah (2012), kepelbagaian kaedah dan kepelbagaian dalam menghasilkan penulisan yang baik mementingkan proses pra menulis, latihan menulis dan menyemak tulisan. Melalui pembelajaran sendiri melalui video berasaskan konsep konstruktivisme murid akan memberi respon secara aktif dalam kelas kecil bagi merealisasikan proses dalam penulisan dan pembinaan ayat.

### **1.7 Kerangka Kajian**

Pengkaji menggunakan teori konstruktivisme sebagai sandaran menguji kadar keberkesanan kajian dalam proses membina ayat menggunakan video secara pendekatan konstruktivisme, Teori Konstruktivisme yang diasaskan oleh Lev Vygotsky telah mengubah reka bentuk pengajaran dan pembelajaran di Malaysia dari berpusatkan guru kepada pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid. Teori konstruktivisme merupakan teori yang bersifat pembelajaran aktif dan bersifat sosiobudaya (Yahya et al., 2009). Teori ini disokong oleh Harkirat et al. (2010) yang berpendapat, gabungan peta minda dan teori moden konstruktivisme dipilih untuk tujuan kajian yang memerlukan penglibatan aktif menggunakan pengetahuan sedia ada mengabungkan antara kemahiran membaca dan kemahiran menulis murid pemulihan. Teori kerangka konseptual dibina seperti dalam gambarajah dibawah.

### 1.7.1 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian dibina berdasarkan permasalahan dan aliran gerak kerja yang bakal dijalankan untuk memastikan perancangan dan halatuju kajian berjalan dengan sistematik. Konsep kajian bersandarkan teori Konstruktivisma direka dan diaplikasikan oleh murid pemulihan khas sebagai responden seperti dalam gambarajah dibawah.




Rajah 1.1 Rangka Kerja Pembinaan Modul

Murid pemulihan menjadi sampel utama dalam kajian, sesi pembelajaran murid-murid dijalankan dari rumah dengan bantuan pemantauan dari ibu bapa. Proses perawatan dijalankan bermula dengan soalan latihan membina ayat berdasarkan gambar, latihan diberikan berbentuk modul latihan membina ayat. Kemudian, video berasaskan konsep konstruktivisma diberikan kepada murid sebagai alat pengajaran menggantikan guru disekolah. Pembinaan video dibina sendiri oleh guru mengikut citrassa dan kehendak objektif pembelajaran. Teori konstruktivisma diaplikasikan apabila murid mengulang-ulang video yang dibekalkan dan mengulangkaji pelajaran sehingga mahir membina ayat berdasarkan kehendak soalan yang diajukan. Pembelajaran sendiri diaplikasikan semasa murid berusaha membina ayat dan



menyiapkan kerja sekolah yang telah diberikan. Pembelajaran menerusi teori konstruktivisma dilihat mampu menggalakkan murid belajar secara koperatif dan kolaboratif dan berjaya meningkatkan keyakinan dan pencapaian murid dalam pelajaran yang dipelajari (Yahya & Othman, 2012)

Rekabentuk kajian yang digunakan untuk membina kerangka analisis kajian ini ialah berdasarkan model rekabentuk ADDIE Model. Setiap pengajaran saling bergantung antara satu sama lain. Ianya ditunjukkan seperti jadual dibawah.



Rajah 1.2 Model Rekabentuk ADDIE

Sebagai panduan merealisasikan teori konsep seperti diatas, model ADDIE dijadikan sebagai panduan dalam kajian ini. Terdapat 5 langkah yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam proses menganalisis maklumat kajian. Komponen yang terkandung dalam model ADDIE diaplikasikan dalam penyelidikan.

Komponen pertama iaitu fasa analisis. Pada tahap ini, pengkaji akan menganalisis apakah permasalahan yang timbul sehingga kajian perlu dijalankan. Isu utama, pengkaji ingin mengenalpasti tahap keberkesanan penggunaan video berasaskan teori konstruktivisma ini sama ada berkesan atau tidak kepada responden yang merupakan sampel utama dalam kajian. Kemudian pengkaji ingin mengkaji apakah persepsi murid terhadap pengajaran dan pembelajaran menggunakan video berasaskan teori konstruktivisma ini mampu menarik minat- murid untuk belajar sendiri dari rumah.

Komponen kedua dalam model ini ialah fasa reka bentuk. Rekabentuk merangkumi keseluruhan aspek termasuk rekabentuk, struktur, teori pembelajaran, struktur jenis alatan media yang terlibat agar objektif pembelajaran berjaya dicapai. Kaedah yang sesuai cadangkan agar maklumat yang ingin disampaikan mudah difahami serta bersesuaian dengan kehendak kajian. Dalam proses ini, rekabentuk soalan dibina dan penghasilan video dalam pengajaran berasaskan teori konstruktivisma direka.

Komponen ketiga merupakan fasa pembangunan. Kali ini pengkaji akan membangunkan modul membina ayat yang berkisarkan formula bina ayat yang bakal diajar dalam sesi pengajaran yang bakal dilaksanakan. Video pengajaran yang bersesuaian dengan konsep berasaskan teori konstruktivisma dibina bersesuaian dengan tahap pencapaian murid sebagai responden. Soalan soal selidik juga dibina untuk mengkaji persepsi yang murid selepas menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Fasa ini memerlukan perancangan dan masa yang agak panjang untuk menyiapkan semua bahan yang telah dirancang. Ia kerana dalam fasa ini, banyak elemen yang perlu dititik beratkan agar selaras dan menepati kandungan dan mudah diterima dan difahami oleh responden yang akan belajar secara sendiri.

Komponen keempat merupakan fasa perlaksanaan. Dalam fasa ini, keberkesanan bahan instrumen dan soalan diberikan kepada beberapa orang murid dari kelas yang lain. Sebelum modul atau instrumen ini digunakan, fasa perlaksanaan bertujuan untuk menguji keberkesanan serta permasalahan dicari jika ada sebarang kelemahan atau kekurangan pada instrumen yang tidak disedari semasa proses pembangunan sebelum ini.

Komponen ke lima merupakan komponen penilaian. Penilaian dibahagikan kepada dua iaitu penilaian Formatif dan penilaian Sumatif. Maklum balas dari penilai diambil kira demi memastikan isi kandungan, gaya persembahan dan strategi sesuai dengan objektif kajian.

## **1.8 Skop Kajian**

Skop kajian ini perlu dibuat untuk mengelakkan agar kajian ini tidak tersasar jauh. Skop kajian tertumpu kepada murid-murid pemulihan yang perlukan bimbingan dan pengulangan dalam pembelajaran. Skop kajian tertumpu kepada keberkesanan video yang dihasilkan dalam penggunaan pembelajaran membina ayat. Pembelajaran sendiri menggunakan kaedah video konstruktivisma membantu meningkatkan kefahaman dan rakaman visual dalam minda dan secara automatik ianya akan tersemat dalam minda murid untuk terus belajar. Kajian ini hanya melibatkan murid pemulihan sekolah rendah dan keputusan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada murid lain disekolah.

## **1.9 Batasan Kajian**

Kajian ini terbatas kepada murid pemulihan khas sahaja, kaedah ini tidak sesuai untuk anak-anak yang tidak menguasai bacaan. Manakala murid yang cemerlang pula akan merasakan video ini terlalu mudah dan membataskan idea kreatif mereka untuk membina ayat yang lebih kreatif. Kajian keberkesanan video konstruktivisma ini hanya sesuai untuk murid yang telah menguasai kemahiran asas membaca tetapi lemah dalam memulakan penulisan. Ianya sebagai pemula dalam memulakan penulisan ayat mudah.

## **1.10 Definisi Istilah dan Operasi**

Dalam kajian ini definisi dan istilah yang digunakan adalah seperti yang dinyatakan dalam tajuk dibawah.

### **1.10.1 Pemulihan Khas**

Program pemulihan merupakan satu program yang disediakan untuk murid yang mengalami masalah dalam penguasaan kemahiran asas membaca, menulis, mengira (3M) yang kompleks disebabkan oleh faktor persekitaran. Program ini dijalankan oleh guru yang khusus pakar dalam bidang ini. (Jabatan Pendidikan Khas, KPM 2008).

Kelas Pemulihan Khas diwujudkan untuk mengatasi masalah murid yang menghadapi kesulitan dalam pembelajaran, khususnya dalam menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Ianya juga disebut sebagai “Remedial Education” yang mana memfokuskan kepada murid-murid yang menghadapi masalah atau kesulitan belajar dalam matapelajaran tertentu sahaja (Jais Sahok & Mat Nor Husin, 1990: 5). Ciri-ciri penerimaan murid yang agak lambat ini mewujudkan jurang perbezaan tahap pencapaian murid pemulihan dengan tahap pencapaian murid lain di dalam kelas perdana dalam sesuatu kemahiran. Ciri ini menyebabkan murid pemulihan lambat menguasai kemahiran yang dipelajari dan dilabelkan sebagai murid lambat (Chua & Koh, 1992: 188).

Konsep pemulihan merujuk perbuatan memulihkan, pengembalian kepada keadaan semula. Konsep pemulihan menyamai usaha memperbaiki sesuatu kekuatan atau memperbaiki sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:1245, 1246). Menurut laporan yang bertajuk “Asia and Pasific Program of Education Innovation for development” (1987) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Pengajaran Pemulihan ialah “a process in which children with learning problems are given practical alternatives approaches (programme) in education”.

### **1.10.2 Murid Pemulihan**

Murid Pemulihan Khas dikelaskan sebagai murid yang mempunyai pencapaian akademik rendah berbanding rakan sebaya mereka di dalam kelas. Biasanya masalah

yang dihadapi oleh murid-murid pemulihan khas ini ialah masalah pembelajaran samaada dalam kemahiran membaca, menulis mahupun mengira. Mereka menunjukkan kesukaran dalam aktiviti membaca dan mengira. Seperti mana didalam kelas, murid ini menunjukkan ciri-ciri kurang yakin, rendah konsep sendiri, pasif terhadap kegiatan pembelajaran dan mudah berputus asa.

Ciri-ciri murid Pemulihan Khas ini juga dapat dikenalpasti melalui pelbagai ciri yang dipamerkan. Rujukan dari Jabatan Pendidikan Khas, KPM 2008 mendefinisikan bahawa Murid Pemulihan Khas ialah murid yang menghadapi kesukaran dalam penguasaan kemahiran asas 3M disebabkan faktor persekitaran dan bukan kognitif. Dari segi sosial, murid-murid ini kurang matang dalam hubungan dan bersosial dengan murid lain disekolah. Kurangnya keyakinan dalam diri dan kurang tekun menyebabkan mereka sering kali tidak dapat menyiapkan kerja sekolah dan tugas yang kompleks kerana mempunyai lemah daya ingatan, dari segi pengamatan, kemahiran asas dan pertuturan.

Justeru itu menyebabkan murid sukar menguasai kemahiran yang bersifat akademik dan pembelajaran. Mereka kurang berinteraksi bersama teman-teman, ia mengakibatkan penguasaan perbendaharaan kata terbatas dan mempunyai pemikiran yang tidak kreatif. Faktor kesihatan mereka yang sering terganggu juga menyebabkan murid-murid ini tidak dapat hadir kesekolah dan berlaku keciciran dalam pelajaran.

### **1.10.3 Pembelajaran Menggunakan Video**

Penghasilan rakaman video merupakan salah satu cara dalam multimedia yang mampu membangunkan minat melalui paparan maklumat yang berbentuk gambar yang bergerak-gerak. Video dijadikan bahan medium pengantara kajian ini, penggunaan video dalam pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah menjadi trend dan ikutan masa kini. Menurut Berk, 2009 & Jamalludin & Zaidun, 2003) menyatakan kehebatan pengajaran berasaskan video mampu menarik minat dan kecenderungan murid dan meningkatkan motivasi dalam pengalaman belajar murid yang melaluinya. Maklumat yang jelas ditunjukkan dalam kelainan yang di

persembahkan dengan menggunakan bahan pengajaran seperti menggunakan klip video (Aloraini, 2005).

Menurut Brecht (2012) menyatakan dalam kajiannya bahawa anak murid perlukan ransangan visual dan auditori terutama dalam aktiviti pembelajaran yang menggunakan aktiviti teknologi yang merangsang proses kognitif. Perkongsian tentang prinsip pembelajaran dikongsikan oleh Mayer (2001) yang menyatakan, penggunaan video dalam pembelajaran mampu merangsang pelbagai deria, memudahkan proses pengulangan semula di rumah dan pada bila-bila masa sahaja. Penggunaan video dalam kajian ini juga mampu meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran murid, menjimatkan masa dan tenaga juga penggunaan video sangat membantu dalam meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu, guru perlu menggunakan pelbagai bahan media baharu yang sesuai dan menarik supaya membantu menghidupkan suasana pembelajaran dengan lebih baik. Video konstruktivisme menjadi alat pemudahcara yang mampu membantu guru melaksanakan pengajaran dengan lebih berkesan dan menarik, juga berjaya menciptakan pembelajaran yang aktif dari penglibatan murid pemulihan. Ianya disokong dalam kajian bertajuk persepsi mahasiswa terhadap pemanfaatan youtube dalam pembelajaran mata kuliah membaca oleh Asnawi Universitas Islam Riau, Pekanbaru, Indonesia (2016).

Menurut Awang & Daud (2013) Peningkatan penguasaan menggunakan ICT menunjukkan peningkatan berbanding pengajaran secara konvensional, ia diaplikasikan dalam kajian ini terhadap binaan instrument video yang telah dibekalkan kepada responden. Walaubagaimanapun, kesediaan guru dalam menyediakan instrument sangat penting demi menghasilkan bahan pengajaran yang menarik. Sharifah & Kamarul (2011) dalam melaksanakan pengajaran dengan menggunakan pendekatan ICT, dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa guru harus bersedia untuk menyediakan bahan dan bersedia dari segi mental dan emosi pernyataan ini menunjukkan terdapatnya hubungan yang kuat antara hasil kerja dan tingkah laku terhadap responden.

Golongan digital native musim kini sangat cenderung dengan penggunaan Multimedia. Hasil tugas dan kerja responden yang diajar menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan keatas pencapaian murid yang diajar mengikut pendekatan konstruktivisme melalui kaedah ICT dan multimedia secara berpanjangan dan berkesan, kenyataan ini disokong oleh Sidin&Mohamad (2007).

Bahan Teknologi maklumat yang terbukti sealiran dengan pemikiran responden. Proses pengajaran dan pembelajaran musim kini memerlukan para guru berpengetahuan dan tinggi mengendalikan komputer dan ICT. Kenyataan ini disokong oleh Fisher (2003) yang mengatakan pengintergrasian ICT di negara barat menunjukkan proses pembelajaran dalam bilik darjah amat memberansangkan sejak zaman dahulu lagi.

Dalam kajian ini Murid diberi kebebasan untuk belajar secara berdikari dan perlu bertanggungjawab dalam pembelajaran. Penggunaan video berasaskan teori konstruktivisma dalam pembelajaran sendiri, menyebabkan ibu bapa dan murid perlu merancang masa untuk mengulangkaji pelajaran dan bersedia mencari maklumat berdasarkan inisitif sendiri (Mohd Koharuddin et al., 2003). Motivati yang tinggi diperlukan apabila sesi pembelajaran sendiri dijalankan, responden akan rasa bertanggungjawab untuk menyiapkan tugas walaupun belajar dari rumah kerana bahan yang dibekalkan boleh.

#### **1.10.4 Teori Konstruktivisma**

Teori Konstruktivisma ialah satu pendekatan pengajaran berdasarkan penyelidikan tentang bagaimana cara manusia belajar. Penyelidik berpendapat, setiap individu membina pengetahuan dan bukannya hanya menerima pengetahuan daripada orang lain. (Mcbrien & Brandt, 1997). Manakala menurut (Brooks dan Brooks, 1993) berpendapat bahawa Teori Konstruktivisma mengajak murid membina makna tentang dunia dengan mensistesis pengalaman baharu kepada apa yang difahami oleh mereka sebelum ini. Mereka akan menyesuaikan peraturan itu agar mereka dapat menerangkan maklumat baru ini dengan baik. Konstruktivisma adalah satu fahaman bahawa murid

memebina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baru.

Walaupun terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki dari masa ke semasa, kelemahan prototaip dari aspek audio dan penjelasan yang terperinci perlu ditingkatkan. Jesteru, penyelidik mengesyorkan agar perubahan dan kepelbagaian perlu dibuat dalam sistem pedagogi agar teori konstruktivisma dapat diterapkan semasa dalam latihan perguruan lagi. Penyelidikan yang menyeluruh dan berterusan diharap dapat diteruskan demi menilai keberkesanan penggunaan pendekatan konstruktivisma agar pembudayaan penggunaan media baharu ICT dan multimedia dalam kalangan generasi muda akan berlaku terus berpanjangan.

Dalam teori ini, guru berperanan untuk menerangkan idea tentang sesuatu pembelajaran dan menghargai idea yang dicetuskan oleh murid. Ia membantu menggalakkan murid untuk membuat tugas yang berbentuk penyelesaian, menganalisis, meramal, meneroka dan membuat kesimpulan dari hasil dapatan pembelajaran. Ia menggalakkan pembelajaran koperatif serta dapat membimbing murid untuk dapatkan jawapan yang lebih tepat.

#### **1.10.5 Pembelajaran Kendiri**

Pembelajaran sendiri membawa maksud, proses mendapatkan ilmu dilakukan secara sendiri dimana murid yang menjalankan sesi pembelajaran sendiri tanpa bantuan guru, tutor atau tenaga pengajar. Sesi Pembelajaran sendiri dijalankan untuk mencapai objektif yang diperlukan. Jesteru itu, kaedah pembelajaran sendiri memerlukan murid menyelesaikan masalah secara kritis, berpengetahuan, aktif dan bersedia berhadapan dengan masalah kehidupan sebenar sebagai titik permulaan kepada sesi pembelajaran (William, 2001; Dunlap, 2005). Pembelajaran sendiri merupakan kaedah alternatif yang dipraktikkan pada musim pengajaran dan pembelajaran dari rumah, ternyata hasil kajian mendapati kaedah ini dapat menambahkan pengetahuan dan berlaku perubahan sikap dan amalan murid (William,2001).



Usaha membantu murid pemulihan menjalankan pembelajaran sendiri dalam proses membina ayat tidak terhenti dengan usaha dan tahap kecekapan guru sahaja, penglibatan ibu bapa juga membantu kelancaran kajian. Sikap dan kepedulian murid terhadap bahasa yang dipelajari memainkan peranan yang paling penting (Ab. Halim & Wan Mohamad, 2006). Murid dan ibu bapa yang mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa atau bersikap negatif terhadap semua itu, sedikit sebanyak akan mempengaruhi hasil pembelajaran dan kecekapan bahasa. (Mansoer Padeta (1990) berpendapat bahawa sikap merupakan kesan dari minat seseorang terhadap sesuatu. Ia juga merupakan faktor utama dalam proses pembelajaran.

Walaupun pelbagai ujian perlu diharungi oleh para guru dalam era globalisasi kini, guru perlu cekap dalam melaksanakan pengajaran dalam proses membina ayat secara berterusan yang boleh menjadi sebagai panduan serta membentuk kemahiran sendiri melalui pengalaman sebenar. Hal ini ditekankan dalam aspek tujuan menulis yang bermula dengan pembinaan ayat sehinggalah pembinaan karangan yang lengkap. Gaya penulisan realiti mengambil aspek tujuan utama menulis supaya dapat menggambarkan keadaan, alam serta kehidupan sebenar yang lebih menyeluruh (Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abd Aziz 1997).

#### **1.10.6 Formula SIBUANALA**

Formula SIBUANALA dicipta untuk digunakan oleh murid pemulihan tahun 2 dan 3. Ia juga sesuai diaplikasi untuk murid tahap 1 di kelas perdana hingga murid yang berada di kelas tingkatan sekolah menengah sekali pun juga boleh menggunakannya. Oleh itu, pengaplikasian formula SIBUANALA dapat membantu sebagai pemula dan mampu meningkatkan penguasaan penulisan bina ayat mudah dari ayat yang tidak teratur kepada ayat yang lebih lengkap dan kreatif, formula ini diaplikasikan dalam isi kandungan yang terdapat dalam video yang dibekalkan kepada murid. Bila murid berjaya membina ayat dengan baik, seterusnya tahap penguasaan dalam bacaan dan pemahaman juga akan meningkat. Murid akan lebih kreatif menjana idea serta memahami ayat yang dibina dengan lebih baik serta mampu menjawab soalan pemahaman dengan betul. Serta secara tidak langsung dapat merapatkan jurang

penulisan antara murid perdana dan murid pemulihan yang baru kembali masuk ke kelas perdana. Sebagai guru, kaedah ini mampu menjadi alat untuk membimbing murid untuk maju ke hadapan dalam membina ayat dengan lebih kreatif dan bermakna.

SIBUANALA adalah singkatan untuk Siapa, Buat, Apa, Mana dan Bila. Formula ringkas ini dapat membantu murid lemah dalam mengingat. Formula ini dapat membantu murid untuk memudahkan kaedah pembinaan ayat mudah. Lebih-lebih lagi sasaran penggunaannya adalah untuk murid tahap 1 yang berada dalam tahun 1, 2 dan 3. Pada peringkat awal, guru akan memperkenalkan maksud tersirat dalam singkatan SIBUANALA. Sebut berulang-ulang kali sehingga murid lancar menyebut formula. Kemudian murid akan diberi perangkan maksud tersirat disebalik SIBUANALA.

Si bermaksud Siapa mewakili manusia atau orang seperti, guru, polis, saya, awak, ibu, ayah, datuk, nenek dan sebagainya. Pengenalan kepada siapa membawa murid secara tidak langsung dapat memperkenalkan kata ganti diri dalam sistem tatabahasa.

Bu bermaksud Buat mewakili kata kerja dalam sesuatu perbuatan. Guru akan memperkenalkan senarai kata kerja yang sering digunakan dalam perbualan dan petikan harian. Contoh kata kerja yang sering digunakan ialah seperti pakai, kayuh, makan, minum, beli, bawa, pandu, masak dan lain-lain lagi. Seterusnya kata kerja dapat diperkenalkan.

A bermaksud Apa. Biasanya akan merujuk kepada bahan yang difokuskan. Contohnya, guru menunjukkan gambar basikal. Maka apa yang difokuskan adalah murid harus membina ayat berdasarkan cerita basikal. Contoh perkataan dalam “apa” seperti contoh perkataan baju, kereta, nasi, gulai, beg sekolah, dan lain-lain benda atau perkara yang bersesuaian. Kata Nama Khas dan Kata Nama am juga dapat diperkenalkan kepada murid.

Na bermaksud Mana. Murid boleh tambahkan “di mana” atau “ke Mana”. Murid akan kaitkan perkataan dengan tempat yang sesuai. Contoh tempat yang selalu digunakan oleh murid dalam membina ayat ialah, sekolah, rumah, klinik, bilik, pondok, kebun dan banyak lagi.

La bermaksud Bila. Bila masa kejadian yang dimaksudkan berlaku. Contoh masa yang akan dicadangkan oleh guru ialah, petang, malam, esok, cuti sekolah tahun depan, minggu depan dan banyak lagi.

Menerusi pemerhatian, penggunaan jadual mampu menjadikan murid lebih berdikari untuk belajar sendiri. Setelah menonton video, murid diajak untuk menulis hasil yang telah diperolehi dalam buku tulis. Formula yang telah diajar membantu meningkatkan kefahaman murid pada Formula yang diperkenalkan. Hal ini secara tidak langsung, menjadikan murid berani untuk mengambil risiko untuk berusaha sendiri. Corak pemikiran yang lebih realistik mampu mewujudkan suasana kolaboratif dalam kalangan murid dalam bilik darjah.

### **1.11 Rumusan**

Setelah menjalankan kajian ini, pengkaji dapat memahami dengan lebih dalam tentang tingkah laku murid-murid pemulihan yang memerlukan bimbingan semasa proses latihan membina ayat sedang dijalankan. Hasilnya pengkaji akan dapat mengetahui tentang keberkesanan pembelajaran sendiri menggunakan video melalui hasil pencapaian murid serta jumlah penglibatan murid dalam PDP dan persepsi murid dapat dikaji setelah menggunakan kaedah pembelajaran sendiri melalui pautan video, murid akan dapat belajar dari pengalaman yang diperolehi semasa menonton video yang disediakan oleh guru secara berulang-ulang kali.

Disamping itu, melalui kajian ini murid dapat mempelajari sesuatu yang baharu serta mengetahui tahap keberkesanan aplikasi video yang dijalankan semasa aktiviti soal selidik dijalankan. Respon murid terhadap pendekatan yang diperkenalkan mampu membantu meningkatkan penguasaan murid untuk membina ayat, hal ini menjurus ke arah kemenjadian mandiri murid pemulihan agar terus berdikari dan mampu juga cemerlang seiring dengan murid di kelas perdana.

Kajian ini memberi kesan positif kepada pembelajaran sendiri murid pemulihan dalam teknik mempelajari membina ayat mudah. Pemilihan pendekatan

kendiri dan aplikasi pengajaran menggunakan video yang mengaplikasikan teori belajar dari pengalaman, mampu membantu guru mempelbagaikan teknik pengajaran dan mengajar secara ansur maju mengikut tahap penguasaan murid pemulihan.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati penggunaan Video konstruktivisma membantu meningkatkan tahap pengajaran guru juga memberi kesan motivasi yang positif kepada murid pemulihan sebagai responden utama. Kajian ini juga mendapati guru sebagai pengkaji, akan bertindak lebih kreatif mengambil inisiatif sendiri dalam pembinaan bahan pengajaran seperti menghasilkan video, perisian power point dan membuat simulasi aplikasi yang interaktif bagi melancarkan proses pengajaran maya dan melanacarkan pengajaran dan pembelajaran dari rumah .

Akhir sekali, kejayaan dan pencapaian murid-murid ini bergantung kepada faktor sekeliling murid. Motivasi yang tinggi perlu disuntik demi membantu kemenjadian kajian. Sebagai guru, pengkaji berusaha sedaya upaya untuk membantu mempelbagaikan kaedah pengajaran yang lebih kreatif seiring dengan perubahan dunia globalisasi kini keatas pencapaian membina ayat kepada murid-murid pemulihan.

## RUJUKAN

- A Basiron, I. (2012). Kesan kaedah pengajaran multimedia interaktif dalam pengajaran seni visual (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Chew, F. P., Shanmugama, R., & Ramasamy, M. (2021). Pembinaan, Pelaksanaan dan Kesan Modul Tatabahasa Bahasa Tamil Berpandukan Teori Interaksional, Teori Konstruktivisme dan Strategi Dekonstruktivisme dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat. *Issues in Language Studies*, 10(1), 151-171.
- Ling, T. L., & Tasir, Z. (2008). Pendekatan pembelajaran kemahiran membaca menerusi lagu dan muzik berasaskan komputer bagi murid tahun satu. Unpublished master dissertation, Universiti Teknologi Malaysia.
- Lee, T. T., & Osman, P. M. D. (2013). Pembinaan dan keberkesanan modul multimedia interaktif dengan agen pedagogi dalam pembelajaran elektrokimia (Doctoral dissertation, UKM).
- Mat, N. A. C., & Halim, L. (2002). Reka bentuk dan keberkesanan pembelajaran berbantuan multimedia pendekatan konstruktivisme bagi sains KBSM. *Jurnal Teknologi*, 19â-38.
- Miswan, M., & Adnan, H. M. (2017). Pembangunan aplikasi peranti mudah alih untuk kemahiran membaca kanak-kanak: Aplikasi Literasi LINUS (LiLIN). *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 17(2), 64-78.
- Noralidin, N. (2017). Pembinaan model pengajaran kemahiran menulis karangan berdasarkan teori konstruktivisme (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Ratnam, K. (2017). Kesan teknik eksplorasi internet berasaskan pendekatan konstruktivisme terhadap penulisan karangan fakta (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Salsidu, S. Z., Azman, M. N. A., & Pratama, H. (2018). Trend pembelajaran menggunakan multimedia interaktif dalam bidang pendidikan teknikal: Satu sorotan literatur. *Sains Humanika*, 10(3).
- Shalikhah, N. D. (2017). Media pembelajaran interaktif lectora inspire sebagai inovasi pembelajaran. *Warta LPM*, 20(1), 9-16.

- Wirasasmita, R. H., & Putra, Y. K. (2018). Pengembangan media pembelajaran video tutorial interaktif menggunakan aplikasi camtasia studio dan macromedia flash. *EDUMATIC: Jurnal Pendidikan Informatika*, 1(2), 35-43.
- Yasin, M. S. M. (2019). Multimedia Grafik Interaktif Meningkatkan Daya Kefahaman Pembelajaran Dalam Kalangan Kanak-Kanak Pra Sekolah: Fun Learning with Technology. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 1(1), 35-44.
- Ahmad, S. F., & Tamuri, A. H. (2010). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53-64.
- Jamaludin, R. (2005). *Multimedia dalam pendidikan*. Utusan Publications.
- Rahman, A. A., & Lubis, M. A. (2010). *Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Untuk Kanak-Kanak Pintar*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Boon, C. K. (2019). KEBERKESANAN PENGGUNAAN YOUTUBE DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNTUK TAJUK HUKUM KIRCHOFF KURSUS ASAS ELEKTRIK DALAM APLIKASI GOOGLE DRIVE KURSUS REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, (JILID I).
- Ahmad, N. A. (2012). *Membangunkan aktiviti multimedia interaktif bagi membantu kanak-kanak umur awal mempelajari bahasa*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Chuah, K. M. (2013). Aplikasi media sosial dalam pembelajaran Bahasa Inggeris: Persepsi pelajar universiti. *Issues in Language Studies*, 2(1).
- Baharuddin, S. H., & Badusah, J. (2016). TAHAP PENGGUNAAN WEB 2.0 DALAM PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH (Level of Using Web 2.0 in Malay Language Teaching Secondary School Teacher). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 38-48.